

PKLM UMS-Yayasan Sabah erat kerjasama

UB 20.02.2022 P.02

Oleh Yap Siong Han

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Kelestarian Libatsama Masyarakat (PKLM) mengeratkan lagi kerjasama bidang pemuliharaan hutan dengan Yayasan Sabah menerusi penganjuran Program Bersama Komuniti Konservasi Lembah Danum baru-baru ini.

Rombongan UMS diketuai oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Chm. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun sementara pihak Yayasan Sabah diwakili oleh Pengurus Kumpulan, Bahagian Konservasi dan Pengurusan Alam Sekitar Yayasan Sabah, Dr. Waidi Sinun.

Taufiq ketika berucap pada sesi perjumpaan bersama warga komuniti konservasi Lembah Danum berkata, kesempatan kolaboratif menerusi program tersebut membolehkan ahli-ahli akademik dari UMS meningkatkan lagi kepakaran yang ada berkaitan konservasi hutan menerusi lawatan dan pertemuan bersama pelbagai pihak.

"Ini sekali gus menyumbang terus kepada usaha pihak Yayasan Sabah dalam memelihara dan memulihara kawasan konservasi.

"Pihak UMS juga akan tu-

Usaha konservasi pemuliharaan Hutan Lembah Danum adalah tanggungjawab bersama termasuk komuniti tempatan



TIBA: Taufiq (dua kiri) bersama rombongan UMS dan Yayasan Sabah mendaki Bukit Danum bagi melihat pokok hutan tropika tertinggi di dunia.

rut meninjau potensi pemindahan ilmu yang sama di dua kawasan konservasi Yayasan Sabah iaitu di Imbak Kanyon dan Lembangan Maliau," katanya.

Menurut Taufiq, beberapa projek pemindahan ilmu berasaskan komuniti yang dicadangkan dijalankan di kawasan tersebut seperti projek hidroponik, baja kompos, kemahiran berkomunikasi dan pembangunan teknologi maklumat.

"Projek pemindahan ilmu ini bakal meningkatkan lagi usaha komuniti untuk meningkatkan pengurusan kawasan konservasi Lembah Danum yang kian menjadi tumpuan para penyelidik, pelawat dan pelancong dari seluruh dunia.

"Justeru, UMS amat menghargai sambutan dan sokongan yang diberikan oleh pihak Yayasan Sabah khususnya pihak Komuniti Konservasi Lembah Danum terhadap

program yang dirangka oleh Pusat Kelestarian Libatsama Masyarakat (PKLM)," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah PKLM, Dr. Jakaria Dasan selaku Ketua Zon University for Society (U4S) Zon Borneo, dalam taklimat kepada komuniti menjelaskan bahawa program ini adalah salah satu usaha pemindahan ilmu bagi kesejahteraan hidup komuniti terutama mereka di kawasan terpencil pedalaman

negeri Sabah.

"Menerusi aktiviti yang diadakan rombongan UMS dan Yayasan Sabah berkesempatan melihat keindahan flora dan fauna di habitat asal dan tanpa sedar jarak untuk sampai ke Lembah Danum ini tidak dirasakan.

"Kepakaran yang diperlukan oleh komuniti akan segera dibincangkan di peringkat UMS untuk segera dilaksanakan dalam masa terdekat," katanya.

Antara pengisian program yang berlangsung selama empat hari itu adalah bird watching, taklimat mengenai Kawasan Konservasi Lembah Danum, sesi perbincangan aktiviti Pemindahan Ilmu di Lembah Danum, dan taklimat Universiti untuk Masyarakat bersama komuniti oleh PKLM.

Ini diikuti sesi lawatan ke Tapak Semaian dan Makmal Bio-Prospek Penyelidikan dan Pembangunan Kulat, Halia Liar, Tumbuh-tumbuhan ubatan dan Aromatik (TUB), dan aktiviti mendaki Bukit Danum bagi melihat pokok hutan tropika tertinggi di dunia iaitu pokok Seraya Kuning Siput dengan ketinggian 100.8 meter.